

PENGURUSAN WAKAF PENDIDIKAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA: SATU SOROTAN LITERATUR

EDUCATIONAL WAQF MANAGEMENT IN MALAYSIA'S HIGHER EDUCATION INSTITUTIONS: REVIEW OF LITERATURE

NAJIBAH MUSTAFFA

MOHD ZAMRO MUDA

Fakulti Pengajian Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Wakaf pendidikan sudah lama diamalkan di Malaysia melalui kewujudan institusi pendidikan berbentuk tradisi seperti pondok, madrasah, sekolah agama rakyat dan sekolah agama negeri. Pada tahun 1999, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah mewujudkan Islamic Endowment Fund (IEF), menjadikannya sebagai institusi pengajian tinggi (IPT) pertama di Malaysia yang menubuhkan tabung wakaf pendidikan yang diikuti dengan beberapa buah IPT lain dari setahun ke setahun. Artikel ini membincangkan satu perkembangan penulisan, sama ada dalam bentuk penyelidikan, buku, artikel dan sebagainya dalam membahaskan isu pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi di Malaysia. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan metode kualitatif dengan mengambil pendekatan kajian kepustakaan. Hasil sorotan kajian yang dilakukan boleh dikatakan bahawa telah banyak penulisan, lontaran idea dan perbincangan berkenaan perkara ini dibuat oleh para sarjana, ahli akademik dan juga pihak kerajaan. Wakaf pendidikan di Malaysia dilihat semakin berkembang dengan penubuhan tabung wakaf pendidikan di beberapa buah IPT seperti UIAM, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan beberapa buah IPT lain lagi. Walau bagaimanapun, sehingga artikel ini dibuat, masih belum ada kajian yang meneliti secara khusus pengurusan wakaf pendidikan di IPT sedia ada selain daripada masalah dan cabaran yang dihadapi, terutamanya melibatkan aspek pengurusan dana yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan sesuatu wakaf pendidikan.

Kata kunci: *Wakaf, pendidikan, pengurusan wakaf, institusi pengajian tinggi.*

Abstract

Purpose – This article is a literature review based on researches, books, articles and others which are related to the issue of waqf management in Malaysia's higher education institutions.

Design/methodology/approach – The study was conducted using qualitative methods by taking a literature study approach.

Findings – There has been a lot of writing, throwing ideas and discussions were made by the experts, academician and governments on the issue. Waqf of education in Malaysia is seen growing with the establishment of waqf fund for education in several institutions such as the International Islamic University Malaysia (IIUM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) and many more. However, there are no studies specifically examining the waqf management in existing institutions, especially involving aspects of fund management as the backbone to the success of waqf for education.

Originality/value – The article explores the management of waqf education in the universities and some aspects of the challenges inherent in the operations in which they are viewed can affect the development of waqf itself.

Keywords – Endowments (waqf), education, management of waqf, institutions of higher education.

Paper type – Research Paper

Pengenalan

Kos untuk membayai pendidikan semakin mahal berikutan yuran pengajian semakin meningkat terutama bagi kursus-kursus kritikal dalam bidang sains dan teknologi seperti perubatan, sains kesihatan, farmasi, kejuruteraan, sains angkasa dan lain-lain. Tidak terkecuali juga dalam bidang sastera dan agama yang merupakan bidang tradisi bagi majoriti pelajar Bumiputera Muslim (Abdul Halim, 2007). Kos pendidikan semakin hari dijangka semakin meningkat seiring dengan kenaikan harga barang dan perkhidmatan di Malaysia. Institusi pengajian swasta berlumba-lumba menawarkan peluang pendidikan kepada pelajar yang mencapai keputusan peperiksaan kurang cemerlang namun dengan mengenakan yuran pengajian yang agak tinggi dan membebankan pelajar.

Di saat kos pendidikan yang begitu tinggi dan menghimpit golongan ibu bapa berpendapatan rendah, kedengaran idea pendidikan percuma yang dilontarkan oleh sesetengah pihak dan ianya disambut dengan pelbagai reaksi dan persepsi oleh masyarakat. Sudah tentu jika pendidikan percuma ini dapat dilaksanakan, ia akan melegakan hati ramai ibu bapa di Malaysia. Walau bagaimanapun, timbul persoalan sejauh manakah idea pendidikan percuma ini dapat dilaksanakan? Apakah mekanisme yang boleh digunakan untuk menampung kos pengajian yang semakin hari semakin meningkat? Pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dilihat tidak mampu menangani masalah peningkatan kos ini kerana menurut laporan seramai 412,245 daripada 1.24 juta peminjam tidak membayar balik pinjaman sehingga 31 Ogos 2013 (*Sinar Harian*, 2013). Kemunculan pelbagai produk takaful dan insurans yang menawarkan caruman pendidikan untuk anak-anak dan juga penubuhan Tabung SSPN beberapa tahun kebelakangan ini memperlihatkan kepada kita bahawa tidak dapat tidak usaha perlu dilakukan bagi menangani masalah peningkatan kos pendidikan di Malaysia hari ini. Dengan tidak menafikan bahawa usaha menabung adalah sesuatu yang baik dan bermanfaat, artikel ini cuba meninjau sorotan kajian pembiayaan pendidikan melalui instrumen wakaf yang kini mula dilaksanakan di beberapa buah IPT di Malaysia boleh menjadi satu penyelesaian kepada latar belakang permasalahan yang dinyatakan di atas.

Islam ialah agama syumul yang sentiasa memberi solusi kepada setiap permasalahan ummah. Oleh sebab itu, wakaf boleh dijadikan satu mekanisme dalam pembiayaan pendidikan. Menurut Zaini (2010), wakaf adalah antara jentera utama pembinaan masyarakat yang masih belum dimanfaatkan sepenuhnya termasuklah dalam memperkasakan pengajian tinggi. Kefahaman wakaf dalam kalangan umat Islam di Malaysia masih di tahap rendah apabila ramai yang masih belum memahami secara jelas mengenai konsep wakaf. Rata-rata masyarakat memahami wakaf sebagai tanah-tanah kubur ataupun tapak-tapak masjid sahaja sedangkan konsep wakaf mempunyai skop yang amat luas meliputi premis-premis ataupun kompleks-kompleks perniagaan, rumah kedai, kediaman dan sebagainya. Wakaf telah digunakan sebagai mekanisme pembangunan dalam sektor pendidikan, mengurangkan kadar kemiskinan, kesihatan, kebijakan, penyelidikan dan sebagainya dan ia merupakan kegiatan ekonomi yang merentasi sempadan (Ali Gom'ah, 2012).

Dalam sejarah Islam, institusi sosial masyarakat Islam seperti pendidikan atau madrasah, masjid, tempat rawatan orang sakit dan tempat kemudahan awam banyak dibiayai oleh pendapatan harta wakaf. Pembiayaan ini meliputi perbelanjaan mengurus dan pembangunan institusi berkenaan seperti membina, membaiki bangunan, membayar gaji pekerja seperti guru, imam, muazzin dan sebagainya. Wakaf bukan sahaja berfungsi sebagai mekanisme pengagihan semula kekayaan tetapi juga untuk memperkuatkan keupayaan individu dan masyarakat yang memerlukan bantuan asas seperti modal pinjaman, rawatan hospital, makanan berkhasiat, keperluan infrastruktur dan sebagainya. Kehebatan sistem pendidikan, kesihatan, gedung perniagaan, kawasan peristirahatan dan kebajikan masyarakat terserlah melalui institusi wakaf pada zaman keagungan Islam.

Razali (2005) menyingkap kemuncak kehebatan amalan wakaf zaman silam adalah pada zaman Khalifah Uthmaniyyah yang disimpulkan seperti berikut:

“Seseorang dilahirkan dalam rumah yang diwakafkan, tidak dalam buaian yang diwakafkan, membaca buku-buku yang diwakafkan, mengajar dalam sekolah yang diwakafkan, menerima gaji dari pentadbiran wakaf, dan akhirnya apabila ia mati kelak, urusan jenazahnya adalah atas pentadbiran wakaf dan ia dikuburkan dalam tanah perkuburan wakaf.”

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

Apabila mati seseorang manusia, habislah amalnya (tidak bertambah lagi kebaikan amalnya itu) kecuali tiga perkara: sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat, dan anak yang soleh yang mendoakan kedua ibubapanya”.

(Hadis Riwayat Muslim) (al-San’ani, 1979)

Pembiayaan institusi pendidikan melalui mekanisme wakaf dapat memenuhi tiga komponen yang dimaksudkan dalam hadis di atas iaitu sedekah jariah (wakaf), ilmu yang berguna dan anak yang soleh. Ketiga-tiga perkara tersebut dapat disempurnakan melalui wakaf dalam institusi pendidikan sebagaimana yang difahami dan dihayati oleh ulama (Ahmad Zaki, Abdul Halim, Che Zuina, Kamarulzaman, & Norzaidi, 2008).

Metodologi Kajian

Kajian ini secara teorinya merupakan kajian yang bersifat kualitatif, iaitu kajian yang cenderung kepada metode pengumpulan data melalui pemerhatian ataupun penganalisisan kandungan dokumen. Pengumpulan data kajian melalui kajian kepustakaan di mana rujukan dibuat kepada sumber primer dan sekunder melibatkan kitab-kitab *turath* sebagai rujukan utama berkaitan wakaf, dan juga sumber lain seperti buku, jurnal, artikel, kertas persidangan /seminar, kertas penyelidikan, tesis, keratan akhbar, carian di internet dan seumpamanya sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Arab dan bahasa Inggeris.

Sorotan Kajian

Isu berkenaan wakaf di Malaysia telah lama dibincangkan oleh sarjana perundangan, ahli akademik dan profesional di Malaysia meliputi bidang perundangan, pembangunan, pengurusan dan sebagainya. Perbincangan tersebut secara umumnya membantu ke arah pengupayaan wakaf sebagai instrumen kewangan Islam yang maju dan berdaya saing dalam memantapkan ekonomi ummah dan melahirkan modal insan yang berkualiti. Secara umumnya pelbagai masalah dalam pembangunan wakaf yang telah dikenal pasti antaranya pengurusan yang tidak seragam,kekangan sumber kewangan, masalah kekurangan tenaga profesional yang berkelayakan, tidak mempunyai pangkalan data dan rekod harta wakaf yang lengkap dan lokasi harta wakaf yang tidak strategik (Ramli, 2005). Pengurusan dan pentadbiran harta wakaf ini seharusnya dibuat secara profesional kerana ini adalah salah satu daripada instrumen ekonomi Islam yang telah terbukti berkesan kepada umat Islam sebelum ini (Ahmad Zaki, 2005).

Institusi Pendidikan Wakaf

Institusi pendidikan wakaf merupakan institusi pendidikan yang ditubuhkan atau dibina dengan menggunakan harta yang telah diwakafkan oleh umat Islam. Pendidikan pula merupakan satu proses aktiviti berterusan yang mengandungi unsur-unsur pengajaran, latihan, bimbingan, pimpinan dengan tumpuan khas kepada pemindahan berjenis ilmu, nilai agama dan budaya serta kemahiran yang berguna yang dibukukan oleh satu generasi kepada generasi yang lain atau oleh seorang individu kepada individu

yang memerlukan pendidikan (Ahmad Zaki et al., 2008). Wakaf dan pendidikan bukanlah sesuatu yang asing dalam Islam. Masjid merupakan antara institusi pendidikan wakaf terawal sebagaimana yang berlaku sejak zaman Nabi Muhammad SAW (Mohd Afendi, 2011). Masjid Quba' merupakan masjid yang diasaskan sendiri oleh Baginda sewaktu tiba di Kota Madinah pada tahun 622M diikuti dengan pembinaan Masjid Nabawi dan institusi pendidikan wakaf lainnya di zaman awal Islam.

Sejak abad ke-17, banyak aktiviti pendidikan dibiayai oleh wakaf dan sumbangan sukarela (Mohd Akram, 2012) di mana konsep wakaf pendidikan ini telah melahirkan institusi-institusi pengajian yang berkekalan serta melahirkan ribuan ulama yang terkenal dan tersohor di seluruh dunia. Antaranya ialah Universiti Cordova di Andalus, al-Azhar di Mesir, Madrasah Nizamiyah di Baghdad, Universiti Islam Indonesia, Pondok Pesantren Darunnajah, Indonesia, Madrasah Al-Junied, Singapura, al-Jamiah al-Islamiah di Madinah dan lain-lainnya (Ahmad Zaki, Norzaidi, & Che Zuina, 2008).

Kehebatan institusi wakaf Islam ini sangat hebat dan berkesan sehingga ianya ditiru oleh Barat dengan menjenamakan semula wakaf ke dalam bentuk yayasan, *trust* atau *endowment*. Universiti seperti Oxford dan Cambridge di Britain serta Harvard dan Standford di Amerika Syarikat antara universiti berasaskan endowmen dan mempunyai dana yang kukuh. Universiti Harvard misalnya dilaporkan antara universiti terkaya dengan memiliki aset endowmen bernilai melebihi US\$30 bilion (Muhammad Ali Hashim, 2012). Konsep wakaf (*endowment fund*) ini telah menjadi pemacu kepada kemajuan Barat terutama dalam bidang pendidikan dan perubatan (Ali Gom'ah, 2012). Dana daripada "*Philanthropic Waqf*" iaitu wakaf untuk membantu golongan miskin dan untuk tujuan kemaslahatan ummah seperti kemudahan awam, pendidikan, kesihatan, kajian saintifik, perpustakaan dilihat mempunyai peranan dan potensi yang cukup besar dalam membayai program pendidikan (Monzer, 2003).

Wakaf Pendidikan di Malaysia

Sorotan kajian yang dilakukan mendapati kajian mengenai wakaf pendidikan di Malaysia masih belum begitu banyak dilakukan dan kajian yang ada kebanyakannya berkisar kepada wakaf pendidikan di peringkat sekolah dan meliputi bidang agama sahaja. Hal ini kerana wakaf pendidikan bermula dari institusi pendidikan tradisional di Malaysia seperti Sekolah Agama Rakyat (SAR), Sekolah Agama

Negeri (SAN), madrasah dan pondok (Asmak, 2009). Dalam sistem pengajian Islam tradisional di Malaysia, orang Islam menyerahkan tanah mereka untuk membina sekolah agama. Kemudian keadaan ini semakin berkembang apabila ramai orang Islam menyerahkan harta mereka untuk dibina tempat tinggal untuk guru-guru yang mengajar. Boleh dikatakan wakaf pendidikan tradisi, bentuk aset wakafnya adalah berkisarkan tanah, rumah, masjid, bangunan, buku dan seumpamanya. Mohd Jelani (1998), antara pengkaji terawal yang mengupas berkenaan wakaf bagi tujuan pendidikan untuk memenuhi pemintaan sekolah agama bersepadu di Johor Bahru. Abdul Halim (2007) dalam kajian beliau menekankan bahawa pembiayaan pendidikan melalui instrumen wakaf dapat mengurangkan masalah keciciran dan ketinggalan anak-anak bangsa yang tidak dapat meneruskan pengajian atas alasan kemiskinan. Beliau menggariskan empat faktor penentu kejayaan pelaksanaan wakaf untuk pendidikan iaitu kesedaran masyarakat, keadaan demografi iaitu populasi penduduk Islam yang tinggi, kedudukan ekonomi yang mantap yang dimiliki oleh umat Islam dan tadbir urus yang cekap dan profesional.

Perkembangan wakaf akhir-akhir ini semakin berkembang apabila wakaf pendidikan tidak lagi semata-mata berkisar kepada penyediaan pusat pendidikan pondok, madrasah dan sumbangan buku atas nama sistem pendidikan tradisional malahan ia turut melibatkan institusi pengajian tinggi di negara ini. Antara institusi yang memiliki wakaf pendidikan seperti Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan yang terbaru Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Dana wakaf ini secara umumnya bertujuan untuk menerima aset, wang tunai, saham dan aset-aset kewangan dari dalam dan juga luar negara yang akan digunakan untuk membiayai biasiswa, pinjaman dan urusan pengembangan dana seperti aktiviti pelaburan. Meskipun ada IPT yang menggunakan istilah endowmen dalam operasi mereka dan bukan wakaf, namun konsep yang digunakan adalah hampir sama dengan konsep wakaf dalam Islam seperti mana yang diguna pakai di UIAM. Universiti Antarabangsa AlBukhary (AiU) di Kedah pula adalah contoh institusi pengajian tinggi swasta di Malaysia yang beroperasi menggunakan endowmen yang dibiayai sepenuhnya oleh Yayasan AlBukhari. Ketika artikel ini ditulis, AiU sedang dihentikan operasinya buat sementara waktu kerana sedang melalui proses penstrukturran semula. Malahan, ketika kajian ini dilakukan, universiti wakaf pertama di Malaysia bermodelkan Universiti Al-Azhar, Mesir iaitu Universiti Islam Malaysia (UIM)

telah ditubuhkan di bawah naungan Majlis Raja-Raja Melayu berpusat di Cyberjaya (*Utusan Online*, 2012). Universiti tersebut telah pun mula beroperasi dan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah telah diperkenankan oleh Majlis Raja-Raja untuk dilantik sebagai Canselor yang pertama (*Bernama*, 2014). Perkembangan ini dilihat cukup baik dan selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkatkan kualiti modal insan di Malaysia.

Fokus pembangunan wakaf pendidikan pula bukan semata-mata kepada bidang pendidikan Islam sahaja, malahan terdapat saranan bagi mewujudkan wakaf pendidikan yang memenuhi pelbagai disiplin ilmu. Norsiah (2010) mencadangkan penubuhan wakaf pendidikan khususnya dalam bidang perubatan (kemudahan pelajar) dan mewujudkan wakaf perubatan untuk mereka yang tidak berkemampuan (kemudahan pesakit) ke arah membantu menyelesaikan masalah pesakit kronik yang memerlukan dana segera bagi tujuan pengubatan. Usaha merancakkan wakaf pendidikan ini bukan sahaja diusahakan oleh sekolah dan IPT malah ia disambut baik oleh syarikat korporat seperti Johor Corporation Berhad (JCorp) menerusi anak syarikatnya iaitu Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) yang telah menjalankan pelbagai projek untuk menjana harta wakaf dan daripada pulangan wakaf tersebut digunakan antaranya bagi tujuan pendidikan dan pembangunan modal insan (Abd. Shakor, 2011).

Masalah Pengurusan Wakaf Pendidikan di Malaysia

Pengurusan adalah aspek penting dalam wakaf di mana tanpa pengurusan yang baik dan berhemah, maka wakaf tidak mampu berdaya saing dan mencapai objektifnya dalam menjadi instrumen penjana ekonomi umat Islam. Mufti Mesir, Prof. Dr. Ali Gom'ah (2012) dalam kertas kerja beliau yang dibentangkan dalam Seminar Wakaf Menjana Ekonomi pada 16 Julai 2012 di Putrajaya menyebut:

“Hal ehwal wakaf di Mesir akhir kurun ke 19 hingga awal kurun ke 20, telah diabaikan hingga kedudukan wakaf itu lemah, malah menjadi beban kepada Azhar.”

Kenyataan di atas memberi satu gambaran kepada kita perihal pentingnya aspek pengurusan dalam menjayakan wakaf pendidikan ini. Noor Inayah (2014) menyifatkan transformasi pelaksanaan wakaf pendidikan sebagai satu ekosistem di IPT pada hari ini perlu didokong oleh dua perkara asas agar instrumen wakaf pendidikan ini

benar-benar dimanfaatkan bagi memacu perkembangan pendidikan di negara kita. Dua perkara asas tersebut ialah warga kepimpinan IPT perlu memiliki dan menguasai paduan intelektual dan kebijaksanaan dalam menguruskan wakaf pendidikan serta satu garis panduan pelaksanaan wakaf pendidikan yang bersesuaian dengan kehendak pengajian tinggi negara perlu disediakan.

Sudah pasti, pelbagai cabaran dihadapi oleh pengurus wakaf atau disebut sebagai pemegang amanah wakaf dalam membangunkan dan memajukan institusi pendidikan wakaf di negara ini. Menurut Monzer, Nazih, Murat dan Muhammad Anas (dalam Hydzulkifli & Asmak, 2012), pemegang amanah wakaf perlu mencari jalan membangunkan harta wakaf selagi mana ianya tidak melanggar syarat-syarat wakaf serta menjaga hasrat pewakaf agar dapat menjana ekonomi umat Islam. Ahmad Zaki, Norzaidi dan Che Zuina (2008) dalam kajian beliau terhadap pengurusan dan sumbangan wakaf dalam bidang pendidikan Islam menyenaraikan lima cabaran yang dihadapi oleh institusi pendidikan wakaf di Malaysia iaitu pentadbiran, sumber kewangan, tenaga pengajar, maklumat dan pemasaran di mana ianya menyebabkan institusi pendidikan wakaf di Malaysia tidak berkembang dengan begitu pesat. Kajian tersebut telah mencadangkan sebuah model pengurusan harta wakaf yang dinamakan sebagai Model Pengurusan Harta Wakaf ke atas Pembangunan Harta Wakaf Pendidikan di Malaysia di mana lima cabaran pengurusan wakaf di atas menjadi pemboleh ubah (*variable*) yang menunjukkan aliran yang mempengaruhi pembangunan wakaf pendidikan di Malaysia.

Dalam aspek pengurusan kewangan, Syed Mohd Ghazali Wafa (2012) berpendapat pembiayaan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi, tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah pembangunan fizikal, kos operasi dan program kecemerlangan akademik serta institusi pendidikan terutamanya institusi pendidikan tinggi tidak seharusnya bergantung kepada geran dan bantuan kerajaan dalam menguruskan operasi mereka (Mohamed Azam, Mohd Afandi, & Mardhiyyah, 2012). Di Amerika Syarikat pula ada empat jenis model pengurusan endowmen bagi membangunkan pendidikan tinggi. Model tersebut menggunakan sepenuhnya pengurusan konsultasi, melantik syarikat luar bagi mengendalikan dana dan menggunakan latihan dalam pejabat untuk menguruskan dana endowmen ini. Jenkins (2008) mengkaji cara dana-dana sumbangan bagi pendidikan (*education endowment*) diamalkan di beberapa universiti dan mendapati bahawa setiap universiti yang

mempunyai dana seperti ini akan diuruskan dan digunakan bagi membeli saham-saham, bon-bon dan dana pelaburan yang boleh didapati dari pasaran modal. Dana-dana ini amatlah berkembang secara drastik contohnya dana universiti Michigan berjumlah USD 106 juta dan lima tahun selepasnya ia berkembang kepada USD 203 juta. Hal ini menunjukkan kejayaan pengurusan dana melalui strategi yang disebut di atas.

Robert Louise Stanton McElhaney (2010) mendapatkan dua sumber pendapatan institusi pendidikan tinggi awam iaitu geran dari kerajaan dan yuran pengajian. Beliau mendapatkan bahawa definisi dana endowmen ialah dana yang didapati dari wang tunai, aset kewangan, atau aset yang mempunyai aliran tunai bagi membiayai organisasi yang bukan berasaskan keuntungan. Penggunaan aset adalah berbentuk bersyarat, bebas dan separa bebas. Secara keseluruhan dana ini diperoleh daripada penyumbang-penyumbang yang menyumbang secara tetap.

Mengambil iktibar daripada sejarah kehebatan wakaf ketika era kegemilangan Islam, dan pengalaman negara luar seperti Indonesia, Singapura dan juga pengalaman endowmen di Barat, mekanisme wakaf tunai (aset cair), aplikasi sistem muamalat Islam seperti instrumen takaful, pasaran modal islam, sukuk mahupun penjanaan dana wakaf itu sendiri perlu dilaksanakan bagi menjana keuntungan yang tinggi dalam pengurusan dana wakaf di Malaysia (Syed Mohd Ghazali Wafa, 2012). Dana wakaf perlu dipastikan pembentukan dan pengurusannya agar selari dengan hukum Syarak (Siti Mashitoh, 2007). Norma, Salina dan Zarina (2013) dalam kajian beliau meneliti model pengurusan wakaf tanah oleh badan korporat iaitu Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad, IIUM *Endowment Fund* (Malaysia) dan Warees Private Limited (Singapura) mendapatkan bahawa ketigatiga badan tersebut telah menggunakan pendekatan berstruktur (*structured approach*) dalam pembangunan aset wakaf mereka dan ini memberi pulangan yang besar kepada dana wakaf. Kajian tersebut menggunakan metod perbandingan dan analisis.

Pemasaran adalah faktor kritikal bagi kejayaan pembangunan harta wakaf pendidikan negara (Ahmad Zaki et al., 2008). Kegagalan mengurus pemasaran dengan baik sudah pasti menyebabkan masalah kefahaman sempit masyarakat dan kurang sambutan mengenai wakaf pendidikan tidak dapat diatasi kerana kurangnya sumber maklumat. Satu kajian yang dilakukan terhadap warga UiTM mengenai wakaf

secara umumnya mendapati tahap kefahaman mereka berada pada tahap yang rendah dan kurang memahami konsep ini (Baharuddin & Salahudin, 2011). Mohamad Akram (2012) dalam artikel beliau mengenai pengurusan wakaf pendidikan tinggi mengatakan bahawa salah faham tentang pengurusan dana antara sedekah dan sumbangan serta masalah pengurusan dana yang bercampur di antara konsep zakat dan wakaf menyebabkan masyarakat salah faham tentang cara pengurusan dana wakaf.

Beberapa sorotan kajian yang dijalankan di Indonesia tentang peranan wakaf dalam membangunkan pendidikan di negara tersebut turut dibuat bagi melihat pengalaman negara luar dalam aspek pentadbiran wakaf pendidikan. Ahmad (2012) dalam artikel beliau "Wakaf sebagai solusi permasalahan dunia pendidikan di Indonesia" menyatakan bahawa Indonesia menghadapi sekurang-kurangnya tiga masalah utama pendidikan iaitu fasiliti sekolah yang tidak memuaskan, yuran pengajian yang tinggi sehingga ramai murid terpaksa berhenti sekolah dan bayaran kepada guru yang tidak setimpal yang menyebabkan ramai guru tidak dapat menjalankan tugas mengajar dengan baik. Masalah yang berpunca daripada kekurangan dana ini boleh diatasi dengan mengaplikasikan instrumen wakaf yang amat berpotensi dalam membangunkan pendidikan dengan syarat instrumen ini diurus oleh organisasi kebajikan yang berdikari, profesional, boleh dipercayai dan fokus terhadap urusan pentadbirannya. Pondok Pesantren Wakaf al-Mukhlisin (Faishal, 2012) dan Pondok Modern Darussalam Gontor (PMDSG) adalah antara institusi pengajian swasta berdasarkan wakaf di Indonesia yang berjaya. PMDSG misalnya dibiayai sepenuhnya melalui Badan Wakaf yang menjadi nadi penggerak kepada wakaf pendidikan di institusi ini tanpa perlu bergantung kepada kerajaan atau mana-mana agensi tertentu. Konsep berdikari melalui pembangunan harta wakaf dan urus tadbir yang telus serta jujur di samping mempelbagaikan bentuk perniagaan telah berjaya mengeluarkan alumni yang terbukti dari segi kemampuan intelektual dalam masyarakat Indonesia (Mohd Afendi, 2009).

Satu penemuan menarik dalam kajian oleh Hidayatul dan Shahul Hameed (2011) terhadap dua yayasan wakaf di Indonesia iaitu yayasan ABC dan XYZ untuk melihat kaedah pengurusan dan perakaunan wakaf dan peranan mutawalli dalam pengurusannya mendapati pengurusan dan perakaunan di Yayasan ABC adalah lebih efisien dan telus berbanding Yayasan XYZ kerana pengurusannya dilakukan oleh golongan profesional yang komited terhadap agama

Islam. Kajian dijalankan menggunakan metode temu bual, penelitian dokumen dan pemerhatian.

Selain daripada faktor penggunaan instrumen terbaik dalam menguruskan dana, faktor pihak atau individu yang menguruskan dana juga perlu diberi perhatian. Nor 'Azzah (2010) menekankan perlunya setiap institusi yang menguruskan wakaf dapat mengamalkan kod etika khas dalam hal ehwal pengurusannya kerana hal ini akan mewujudkan budaya kerja profesional manakala institusi tersebut akan mencapai kecemerlangan seperti mana institusi terdahulu. Model pelaksanaan wakaf di pusat pengajian tinggi yang dicadangkan oleh Baharuddin dan Salahudin (2011) memberi kefahaman yang jelas kepada warga pusat pengajian tinggi dan masyarakat umum supaya dapat mengenal pasti potensi wakaf yang boleh diraih dan mengenal pasti model pengurusan wakaf yang sesuai untuk diaplikasikan. Norhazimah (2007) menekankan pengendalian dana berdasarkan Sistem Kewangan Islam telah terbukti dapat diaplikasikan dengan efektif dan mampu membawa pulangan yang lumayan. Harta wakaf juga perlu dikemas kini dan diurus dengan baik. Dengan bantuan sistem teknologi maklumat yang begitu canggih dan mudah diperoleh, pengurusan maklumat harta wakaf pendidikan akan menjadi semakin mudah (Ahmad Zaki et al., 2008). Cabaran-cabaran ini perlu ditangani dengan baik kerana sesuatu yang bernilai jika tidak diuruskan dengan cekap tidak dapat dimanfaatkan untuk pembangunan umat (Ahmad Zaki, 2011).

Analisis Sorotan Kajian

Berdasarkan dapatan kajian yang dilakukan Ahmad Zaki et al. (2008), terdapat lima masalah atau cabaran utama dalam pengurusan wakaf pendidikan iaitu pengurusan kewangan, pengurusan pemasaran, pengurusan tenaga pakar, pengurusan pentadbiran dan pengurusan maklumat.

Pengurusan kewangan merupakan antara cabaran paling besar dalam wakaf pendidikan dan menjadi aspek penting untuk dikaji kerana sumber kewangan atau dana merupakan tulang belakang atau teras dalam memastikan kejayaan sesuatu wakaf (Ahmad Zaki et al., 2008). Apabila sumber kewangan bermasalah, ia akan membawa kepada pelbagai permasalahan yang lain iaitu kekurangan fasiliti, sumber manusia yang terhad, kurang aktiviti promosi yang membawa kepada ketidakfahaman masyarakat tentang konsep wakaf pendidikan.

Jadual 1.1

Ringkasan Analisis Sorotan Kajian

Bil.	Penulis	Hasil Kajian
1.	Ahmad Zaki (2008), Syed Mohd Ghazali Wafa (2012), Mohamed Azam (2012), Jenkins (2008), Robert Louise Stanton McElhaney (2010), Syed Mohd Ghazali Wafa (2012), (Siti Mashitoh (2007) dan Norma (2013).	<p>Pengurusan kewangan</p> <ul style="list-style-type: none"> - Tiga perkara utama yang perlu diberi perhatian ialah dalam pembiayaan wakaf pendidikan iaitu pembangunan fizikal, kos operasi dan program kecemerlangan akademik. - Institusi pendidikan terutamanya institusi pendidikan tinggi tidak seharusnya bergantung kepada geran dan bantuan kerajaan dalam menguruskan operasi mereka - Kejayaan pengurusan dana endowmen Universiti di Barat dengan menggunakan strategi membeli saham-saham, bon-bon dan dana pelaburan yang boleh didapati dari pasaran modal. - Dana endowmen ialah dana yang didapati dari wang tunai, aset kewangan, atau aset yang mempunyai aliran tunai bagi membiayai organisasi yang bukan berasaskan keuntungan. Secara keseluruhan dana ini didapati dari penyumbang-penyumbang yang menyumbang secara tetap. - Mekanisme wakaf tunai (aset cair), aplikasi sistem muamalat Islam seperti instrumen takaful, pasaran modal Islam, sukuk mahupun penjanaan dana wakaf itu sendiri perlu dilaksanakan bagi menjana keuntungan yang tinggi dalam pengurusan dana wakaf di Malaysia - Dana wakaf perlu dipastikan pembentukan dan pengurusannya agar selari dengan hukum Syarak - pendekatan berstruktur (<i>structured approach</i>) dalam pembangunan aset wakaf memberi pulangan yang besar kepada dana wakaf.

(sambungan)

Bil.	Penulis	Hasil Kajian
2.	Ahmad Zaki (2008), Baharuddin dan Salahudin (2011)	<p>Pengurusan pemasaran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pemasaran adalah faktor kritikal bagi kejayaan pembangunan harta wakaf pendidikan negara. Kegagalan mengurus pemasaran dengan baik menyebabkan masalah kefahaman sempit masyarakat dan kurang sambutan mengenai wakaf pendidikan tidak dapat diatasi kerana kurangnya sumber maklumat. - Satu kajian yang dilakukan terhadap warga UiTM mengenai wakaf secara umum mendapati tahap kefahaman mereka berada di tahap rendah (kurang faham).
3.	Ahmad Zaki et al. (2008), Mohamad Akram (2012)	<p>Pengurusan pentadbiran</p> <ul style="list-style-type: none"> - Pengurusan pentadbiran wakaf jika tidak dijalankan dengan baik juga boleh memberi persepsi negatif kepada wakaf pendidikan. - Salah faham tentang pengurusan dana antara sedekah dan sumbangan dan masalah pengurusan dana yang bercampur antara konsep zakat dan wakaf menyebabkan masyarakat salah faham tentang pengurusan bagi dana wakaf.
4.	Ahmad Zaki et al. (2008), Ahmad (2012), Faishal (2012), Mohd Afendi (2009), Hidayatul (2011), Nor 'Azzah (2010) dan Norhazimah (2007).	<p>Pengurusan tenaga pakar</p> <ul style="list-style-type: none"> - Instrumen wakaf amat berpotensi dalam membangunkan pendidikan sekiranya ianya diuruskan oleh organisasi kebaikan yang berdikari, profesional, boleh dipercayai dan fokus. - Konsep berdikari melalui pembangunan harta wakaf dan urus tadbir yang telus dan jujur, serta mempelbagaikan bentuk perniagaan telah berjaya mengeluarkan alumni yang terbukti dari segi kemampuan intelektual dalam masyarakat Indonesia. - Pengurusan dan perakaunan wakaf lebih efisien dan telus apabila dilakukan oleh golongan profesional yang komited terhadap agama Islam.

(sambungan)

Bil.	Penulis	Hasil Kajian
		<ul style="list-style-type: none"> - Setiap institusi yang mengurus wakaf perlu mengamalkan kod etika khas dalam pengurusan wakaf untuk mencapai kecemerlangan seperti mana institusi terdahulu. - Pengendalian dana berasaskan Sistem Kewangan Islam telah terbukti dapat diaplikasikan dengan efektif dan mampu membuaikan pulangan yang lumayan.
5.	Ahmad et al. (2008)	<p>Pengurusan Maklumat</p> <ul style="list-style-type: none"> - Harta wakaf perlu dikemaskini dan diurus dengan baik, Dengan bantuan sistem teknologi maklumat yang begitu sofistikated dan mudah diperolehi, pengurusan maklumat harta wakaf pendidikan akan menjadi semakin mudah.

Kesimpulan dan Cadangan

Penulisan dan perbincangan oleh sarjana mengenai pengurusan wakaf pendidikan secara keseluruhannya dilihat sebagai satu subjek perbincangan yang amat positif dan menggalakkan terutamanya dalam membuka dimensi baru bagi pembiayaan pendidikan secara percuma melalui mekanisme wakaf pendidikan. Sewajarnya, untuk kajian mendatang dicadangkan diberi perhatian kepada isu-isu penting dalam pengurusan wakaf pendidikan ini bersandarkan kepada lima cabaran yang dikemukakan oleh Ahmad Zaki et al. (2008). Hasil sorotan kajian yang dibuat, didapati masih belum ada kajian yang meneliti secara khusus mengenai masalah pengurusan wakaf pendidikan di institusi pengajian tinggi terutamanya melibatkan pengurusan sumber kewangan atau dana merupakan antara cabaran paling besar dalam pengurusan wakaf pendidikan

Wakaf pendidikan di Malaysia yang semakin berkembang bukan sahaja pada peringkat sekolah, malahan pada peringkat institusi pengajian tinggi ini amat berpotensi jika digerakkan secara bersungguh-sungguh dan diuruskan secara profesional dan menampakkan hasil yang memberansangkan untuk manfaat pelajar dan operasi pendidikan di institusi tersebut. Institusi ini perlu dipantau pengurusannya agar permasalahan yang membelenggu tidak merencatkan perjalanan institusi tersebut. Kemerosotan institusi

wakaf dunia lantaran kelemahan pengurusan seperti yang berlaku kepada wakaf di Mesir perlu dijadikan sempadan bagi pengurusan institusi pendidikan wakaf di Malaysia.

Rujukan

- Abd. Shakor Borham. (2011). *Pelaksanaan pembangunan wakaf korporat Johor Corporation Berhad (JCorp): Satu tinjauan*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Conference on Humanities. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia .
- Abdul Halim Sunny. (2007). Dana wakaf untuk pendidikan: Satu tinjauan awal. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 33–44.
- Ahmad Zaki Latiff. (2011). *Pengurusan harta wakaf di Malaysia: Realiti dan prospek*. Kertas kerja dibentangkan dalam Islamic real estate education: A new paradigm. Selangor, Universiti Teknologi Mara.
- Ahmad Zaki Latiff. (2005). *Potensi wakaf dalam menjana kemajuan Islam*. Prosiding Kolokium Zakat dan Wakaf (KOZAWA). Selangor: Universiti Teknologi Mara.
- Ahmad Zaki Latiff , & Norhayati Hassan.(2005). Potensi wakaf dalam menjana kemajuan umat Islam. Dlm. Abdul Halim Ramli & Ahmad Che Yaacob (Peny.), *Islam Hadhari: Pengukuhkan institusi baitulmal dan wakaf di Malaysia* (pp. 99–107). Selangor: Universiti Teknologi Mara.
- Ahmad Zaki Latiff, Norzaidi Mohd Daud, & Che Zuina Ismail. (2008). Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 2(2), 25–61.
- Ahmad Zaki Abd. Latiff, Abdul Halim Ramli, Che Zuina Ismail, Kamarulzaman Sulaiman, & Norzaidi Mohd Daud. (2008). *Wakaf pengurusan dan sumbangannya terhadap pendidikan Islam di Malaysia*. Selangor: Pusat Penerbitan UPENA, UiTM Shah Alam.
- Ahmad Furqon. (2012). Wakaf sebagai solusi permasalahan dunia pendidikan di Indonesia. *Jurnal al-Taqaddum*, 4(2), 47–65.
- Ali Gom'ah (2012, Julai 16).*Wakaf dan kesannya dalam pertumbuhan ekonomi*. Kerja Kerja dibentangkan dalam Seminar Wakaf Menjana Ekonomi, Putrajaya.
- Al-San'ani & Muhammad Ismail al-Kahlani. (1979). *Subul al-Salam*. Daral-Jil Li al-Tiba'ah, Misr, Jil. 3.

- Asmak Ab. Rahman. (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 17(1), 113–152.
- Baharuddin Sayin., & S. Salahudin Suyurno. (2011). Waqaf: Konsep, model pelaksanaan dan cadangan untuk pelaksanaan di pusat pengajian tinggi. Dlm. Baharuddin Sayin (Peny.), *Isu-isu semasa mengenai waqaf*. Universiti Teknologi Mara, Shah Alam Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Bernama Online*. (2014). Diperoleh daripada <http://web10.bernama.com>
- Faishal Muhammad. (2012). *Pondok pesantren wakaf al-Mukhlisin: Sejarah dan peranannya terhadap pendidikan Islam di Batubara (1997-2010) Sumatera Utara Indonesia* (Tesis sarjana (Usuluddin) tidak diterbitkan). Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hidayatul Ihsan, & Shahul Hameed Hj. Mohamed Ibrahim (2011). Waqf accounting and management in Indonesian waqf institutions: The cases of two waqf foundations. *Jurnal Humanomics*, 27(4), 252–269.
- Hydzulkifi Hashim, & Asmak Ab. Rahman. (2012). Pengurusan pembangunan harta wakaf: Pengalaman Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) terhadap wakaf Setee Aishah. *International Journal of Management Studies*, 19(2), 103–123.
- Muhammad Ali Hashim. (2012, Julai 23). Membuka luas pintu wakaf. *Sinar Harian Online*. Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my>
- Mohamad Akram Laldin. (2012, September 27). *Waqaf in education funding: The experience of International Islamic University Malaysia in managing endowment (wakaf) fund*. Diperoleh daripada <http://www.amanie-iconnect.com>
- Mohamed Azam Mohamed Adil, Mohd Afandi Mat Rani, & Mardhiyyah Sahri. (2012). *Transformation of education for the Malays in Malaysia through the instrumen of waqf: UiTM's perspective*. Kertas kerja dibentangkan dalam 3rd International Conference on Islam and Higher Education, Kuantan Pahang.
- Mohd Afendi Mat Rani. (2011). Waqaf pendidikan: Pengalaman di pondok moden Darussalam Gontor Ponorogo Indonesia Dlm. Baharuddin Sayin (Peny.), *Isu-isu semasa mengenai waqaf*. UiTM Selangor: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Mohd Jelani Ramly. (1998). *Kajian ke atas wakaf bagi tujuan pendidikan untuk memenuhi permintaan sekolah agama bersepadu di Johor Bharu* (Kertas projek sarjana muda tidak diterbitkan). Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Monzer Kahf. (2003). *The role of waqf in improving the ummah welfare*. Kertas kerja dibentangkan dalam International Seminar on "Waqf as a Private Legal Body". Universiti Utara Sumatera, Indonesia.
- Noor 'Azzah Kamri. (2010). The role of ethics in waqf management, case of Jawhar. *Jurnal Syariah*, 18(3), 659–680.
- Norhazimah Che Hassan. (2007). Sistem pengurusan dana cara Islam: Satu penelitian. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 1(2), 85–101.
- Noor Inayah Yaakub. (2014, Jun 13). Mencorakkan kejayaan wakaf pendidikan. *Utusan Online*. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my>
- Norma Md. Saad, Salina Kassim, & Zarinah Hamid. (2013). Involvement of corporate entities in waqaf management: Experiences of Malaysia and Singapore. *Journal Asian Economic and Financial Review*, 3(6), 736–748.
- Norsiah Sulaiman, & Farahdina Abdul Manaf. (2009). Peranan harta wakaf dalam bidang pembangunan dan pendidikan ummah: Fokus dalam bidang perubatan. *Jurnal Pengurusan JAWHAR*, 3(1), 2–30.
- Ramli, A. H. (2005). Pengurusan wakaf di Malaysia: Cabaran dan masa depan. Dlm. Abdul Halim Ramli & Ahmad Che Yaacob (Peny.), *Islam Hadhari: Pengukuhan institusi baitulmal dan wakaf di Malaysia*. Shah Alam: Universiti Teknologi Mara.
- Razali Othman. (2005). The influences of colonisation on the perception and practices of wakaf. *Jurnal IKIM*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Robert Louise Stanton McElhaney. (2010). *The effects of higher education endowment management practices on endowment performance* (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). Universiti Southern Mississippi, Amerika Syarikat.
- Jenkin,s S. (2008). *Endowment investment practices of three large public universities* (Tesis Ph.D tidak diterbitkan). Amerika Syarikat: Universiti Virginia.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Pembentukan dana wakaf menurut perspektif syariah dan undang-undang serta aplikasinya di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 15(2), 61–83.
- Syed Mohd Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa. (2012). *Pembangunan wakaf di institusi pendidikan tinggi*. Kertas Kerja dibentangkan di 3rd International Conference on Islam and Higher Education, Kuantan, Pahang.
- Sinar Harian Online. (2013, September 30). Diperoleh daripada <http://www.sinarharian.com.my>

- Utusan Online.* (2012). Sesi pertama pengajian Universiti Islam Malaysia bermula tahun depan. Diperoleh daripada <http://www.utusan.com.my>
- Zaini Ujang. (2010). *Budaya inovasi: Prasyarat model baru ekonomi.* Skudai: Penerbit UTM Press.

